

18 AUG 2001

Thailand-watikah

THAILAND NEGARA TERAKHIR TERIMA WATIKAH JEMPUTAN SUKAN SEA

Oleh: Rozaini Ahmad

BANGKOK, 18 Ogos (Bernama) -- Watikah jemputan rasmi Sukan SEA XXI Kuala Lumpur 2001 diserahkan kepada kerajaan Thailand di sini, hari ini.

Ia disampaikan oleh wakil khas Menteri Belia dan Sukan, Nawawi Arshad yang juga Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Belia dan Sukan kepada Presiden Majlis Olimpik Thailand General Yuthasaka Sasipratha dalam satu majlis.

Dalam ucapannya, Nawawi berkata ekspedisi 17 hari ke lima negara Asean itu merupakan satu ekspedisi yang paling mencabar bagi para peserta kerana terpaksa menempuh keadaan cuaca yang tidak menentu termasuk hujan lebat, ribut dan kawasan banjaran yang tinggi.

Bagaimanapun, katanya ia merupakan pengalaman paling berguna kepada para peserta dengan mendedahkan mereka kepada cabaran yang menuntut daya ketahanan mental dan fizikal yang tinggi sebagai persediaan diri pada masa depan dan mewarisi kepimpinan negara.

Yuthasaka pula berkata adalah menjadi harapan beliau melihat Sukan Sea XXI di Kuala Lumpur bulan depan menjadi temasya sukan yang gemilang di peringkat Asean selain dapat mengeratkan lagi hubungan sesama mereka.

Katanya pingat bukanlah menjadi ukuran tetapi hubungan antara negara-negara di dalam Asean dapat dipereratkan menerusi temasya sukan dwi-tahunan itu.

Thailand merupakan negara Asean terakhir menerima jemputan rasmi itu yang dihantar sendiri oleh rakyat Malaysia menerusi Ekspedisi Penerbangan Muhibbah Asean 2001.

Sementara itu, ketua ekspedisi Penerbangan Muhibbah Asean 2001, Abdul Latiff Endot berkata pesawat 9M-ERA yang dipandunya semalam dari Phnom Penh ke Bangkok hampir kehabisan minyak ketika penerbangan dengan baki 20 batu nautika sebelum mendarat.

"Ada sedikit kerosakan berlaku di bahagian ekzos menyebabkan bekalan minyak begitu cepat berkurangan," katanya.

Menurutnya pada ketika itu bekalan minyak hanya cukup untuk tiga minit penerbangan sebelum pesawat itu kehabisan minyak.

Bagaimanapun, beliau dan peserta Rakan Muda Mohd Khairul Kamaruddin dapat mendarat di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Thailand dengan selamat.

Isnin ini, kedua-dua pesawat ringan eksperimental Zodiac akan berlepas pulang ke tanah air dan dijangka tiba di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang pada Rabu.

Abdul Latiff berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka berada di pangkalan itu untuk menyambut kepulangan dua pesawat ringan itu bersama rombongan yang telah menjelajah 10 negara Asean sejak bulan lepas.

Ekspedisi penerbangan itu yang menggunakan dua pesawat ringan Eksperimental Zodiac Rakan Muda menempuh penerbangan hampir 8,000 batu nautika melibatkan 10 ibu negara Asean iaitu Manila, Filipina, Jakarta (Indonesia), Brunei Darul Salam dan Singapura di laluan selatan, Yangon (Myanmar), Vientiane (Laos), Hanoi (Vietnam), Phnom Penh (Kemboja) dan Bangkok (Thailand) di laluan utara.

Ekspedisi itu dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 14hb Julai yang lepas.

Ekspedisi penerbangan ke laluan utara tanah air melibatkan 20 peserta Rakan Muda di bawah program Rakan Muda Rekreasi Udara. Ia turut dibantu

oleh dua juruterbang kanan Leftenan Komander Mohamed Sabri Baharom dan Shahrizan Abdul Rahman.

Selain itu, mereka turut dibantu oleh empat juruterbang gantian, Abdul Latiff Endot yang juga Setiausaha Sulit Kanan Datuk Hishammuddin Tun Hussein, Affendy Syed Omar, Shahrizal Azley Suleiman dan Sivanesh a/l Balakrishnan.

Ekspedisi itu juga diiringi sebuah pesawat CN235 Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang bertindak sebagai pesawat sokongan bersama tujuh krew dan lapan wartawan dari media tempatan yang membuat liputan sepanjang ekspedisi ini.

--BERNAMA

JAI AKT NAK